

Siapakah Pilihan Pengundi?

Buat masa ini, sehingga Februari 2018, Barisan Nasional (BN) dilihat sebagai parti politik yang paling bersedia dan boleh dianggap "selesa" untuk menghadapi Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14. PRU ke-14 perlu diadakan sebelum 24 Ogos 2018, maka dengan berbaki kira-kira tujuh bulan sahaja lagi, BN dilihat telah melakukan segala-gala yang terbaik untuk bertarung. BN hampir sahaja dapat meredakan dan menyelesaikan banyak isu.


BN amat berhati-hati. Bukan hanya sekarang, tetapi sejak awal tahun 2015 hingga 2016 apabila jentera parti BN dikejutkan dengan tindakan mantan Presiden UMNO, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang mengumumkan keluar parti. BN dan pucuk pimpinan parti yang sebelumnya telah diserang secara terbuka oleh Tun Dr. Mahathir, bertindak bijak dengan mengatur strategi ampuh dengan menangkis segala serangan yang disasarkan dari segenap sudut.

Pada ketika UMNO berhadapan dengan Tun Dr. Mahathir yang mula membina kubunya bersama-sama parti pembangkang, ternyata UMNO

"bertuah" kerana PAS dan UMNO dilihat semakin rapat dalam usaha memperjuangkan beberapa isu Islam, antaranya termasuklah isu Rohingya dan RUU 355, yang sebelum ini jarang-jarang berlaku. Meskipun kedua-duanya menegaskan tiada pakatan politik antara mereka, namun wujud keakraban antara kedua-duanya yang boleh dilihat dengan jelas.

BN membuka lembaran 2018 dengan menyaksikan kerajaan menjuarai hati rakyat dengan menghapuskan tol Batu Tiga dan Sungai Rasau di Selangor, Plaza Tol Bukit Kayu Hitam, di Kedah dan Lebuhraya Penyurian Johor Timur, di Johor, seperti yang dibentangkan dalam Belanjawan 2018. Bagi parti pembangkang, langkah ini dianggap taktik lapuk BN untuk terus memerintah. Hal ini dikatakan demikian kerana pembangkang memeta Selangor, Johor dan Kedah sebagai kawasan kritikal yang ingin dirampas dan dipertahankan oleh BN pada PRU ke-14.

Berbeza daripada pembangkang, kemelut menentukan siapa calon perdana menteri terus menjadi topik yang



Paluan gong yang melambangkan keyakinan perdana menteri untuk terus berbakti kepada rakyat.

Barisan terkini pemimpin Pakatan Harapan yang khabarnya sudah bersiap siaga untuk menghadapi PRU-14.

tiada kesudahannya. Susulan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Jun tahun lalu bahawa beliau menarik diri sebagai calon perdana menteri jika Pakatan Harapan (PH) memenangi PRU ke-14, pelbagai persoalan timbul tentang siapakah individu yang layak memegang jawatan tersebut? Pada Disember tahun lalu, PH pernah menyebut beberapa orang calon termasuk nama bekas Tun Dr. Mahathir, namun kemudiannya mereka sesama sendiri meniadakan nama yang disebutkan. Kekalutan berkenaan mungkin disebabkan terlalu banyak nakhoda dalam bahtera pembangkang menjadikan PH senget untuk dikemudi.

Mahu tidak mahu, PH perlu mengumumkan calon perdana menteri sebelum PRU ke-14. Hal itu penting lebih-lebih lagi jika PH berjaya merampas pemerintahan negara. Pada 4 Disember 2017 lalu, PH secara rasminya mencadangkan Tun Dr. Mahathir sebagai calon perdana menteri, manakala Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail sebagai timbalannya. Keputusan itu sekali gus mengesahkan bahawa Tun Dr. Mahathir bakal bertanding pada PRU ke-14 nanti. Walau bagaimanapun, keputusan yang diumumkan pada akhir pertemuan gabungan parti itu di Putrajaya



Mampukah BN mengekalkan kemenangan pada PRU-14 kelak?

mendapat bantahan Naib Presiden PKR, Tian Chua, yang enggan menerimanya sebagai ketetapan yang muktamad.

Beliau berkata, perkara yang penting seperti itu sepatutnya tidak dibuat oleh segelintir pihak dan menyarankan keputusan tersebut dibincangkan dengan lebih lanjut pada peringkat parti gabungan lain. Berdasarkan beberapa sumber, pemimpin muda Pribumi, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman, juga terkejut dengan cadangan itu kerana pada peringkat dalaman, Menteri Besar Selangor yang juga Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Azmin Ali, menjadi pilihan utama untuk jawatan tersebut. Sebaliknya, pemilihan Tun Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Wan Azizah hanya dipersetujui lima orang pemimpin tertinggi PH pada pertemuan yang berlangsung sebelum itu. Pemimpin terbabit ialah Tun Dr. Mahathir selaku pengerusi, Datin Seri Dr. Wan Azizah (Presiden), Timbalan Presiden, Tan Sri Muhyiddin Yassin, Lim Guan Eng dan Mohamed Sabu. Lantas, sekali lagi permuafakatan PH tidak dapat dimuktamadkan dalam perkara yang dianggap sangat penting untuk menghadapi PRU ke-14.

Ternyata PH terus bergelut untuk menamakan calon perdana menteri andai BN tumbang kepada PH. Dasar-desus terus berting kancang sehingga timbul pula permuafakatan baharu yang mendakwa PH bersetuju




Adakah "mimpi" mereka pun sama?

melantik Tun Dr. Mahathir sebagai perdana menteri sementara dan Datin Seri Dr. Wan Azizah sebagai timbalan perdana menteri sekiranya memenangi PRU kelak. Setelah segala urusan membebaskan Datuk Seri Anwar Ibrahim diselesaikan, tampuk pemerintahan negara perlu diserahkan Tun Dr. Mahathir kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Begitu pun, perkara ini sekali lagi belum dapat dipastikan. PH terus bertekad-teki dan sebahagian pemimpin lebih suka mengunci mulut. Sehingga artikel ini ditulis, PH telah membuat pengumuman tersebut pada 7 Januari 2018. Bagi kebanyakan penganalisis politik, isu besar ini perlu diselesaikan segera kerana pemilihan jawatan ini mampu mengurangkan pelbagai isu kontroversi yang sekurang-kurangnya dapat memberikan semangat dan moral yang lebih tinggi kepada DAP, PKR, Amanah dan Bersatu untuk menghadapi PRU ke-14 yang semakin hampir.

Persoalan kedua yang belum terjawab dan dijawab oleh PF ialah barisan kabinet mereka andai BN berjaya ditubuhkan. Sejauh manakah dalam waktu yang sesingkat ini, PH mampu mencapai kata sepakat untuk membahagikan kuasa dalam barisan kabinet mereka?

Menurut kajian Institut Darul Ehsan (IDE), lima buah negeri yang kini ditadbir Kerajaan BN dijangka akan jatuh ke tangan pakatan pembangkang dalam PRU ke-14. Namun begitu, hal tersebut hanya berjaya direalisasikan seandainya semua parti pembangkang termasuk PAS bersatu menentang BN.




Lambang parti yang bakal bersaing sengit pada PRU-14 kelak.

Pengerusi IDE, Profesor Datuk Dr. Mohammad Redzuan Othman, menjelaskan bahawa berdasarkan kaji selidik yang diadakan mendapati bahawa negeri berkenaan ialah Perak, Kedah, Pahang, Melaka dan Wilayah Persekutuan. Sementara itu, pembangkang dijangka akan mengekalkan kuasa mereka di Kelantan, Pulau Pinang dan Selangor. Jelasnya, PH termasuk PAS (sekiranya pembangkang bergabung dalam satu gabungan pembangkang) akan memperoleh 59 peratus undian pemilihan, manakala BN hanya memperoleh 39 peratus undian.

Persoalannya lagi, adakah PAS akan menukar haluan pada saat-saat akhir dengan menyertai PH? Umum mengetahui bahawa PAS sudah memangkah silang PH. PAS juga bertegang urat dengan menyatakan bahawa parti itu tidak akan menyertai PH selagi pakatan itu disertai DAP dan Parti Amanah Negara (Amanah).

Menurut Naib Presidennya, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, keputusan itu telah dibuat dengan persetujuan bersama-sama Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang, bahawa PAS tidak akan menyertai parti lain dalam PRU ke-14. Umum mengetahui hubungan "panas" PAS dan DAP yang berlarutan dalam banyak isu dan akhirnya dimuktamadkan melalui hudud dan Pindaan RUU355 yang mengakibatkan kedua-dua parti terpaksa bersedia menanggung "kerugian" dari segi undi pada PRU ke-14 kelak. Ternyata PAS lebih berani apabila awal-awal lagi mengumumkan akan meletakkan calon di semua kerusi panas khususnya di Selangor sekiranya ada parti lain yang cuba "mengacau" laluan mereka. PAS juga bernada jantan apabila mengumumkan akan turut meletakkan calon mereka di Permatang Pauh.

Dalam hal menghadapi PRU ke-14, laluan PH ternyata lebih berliku. PH perlu mengakui bahawa peranan PAS cukup besar untuk menentukan jumlah kerusi yang



dimenangi mereka sebelum ini. Untuk rekod, sebanyak 84.84 peratus keluar mengundi daripada jumlah 13 268 002 orang pengundi berdaftar pada PRU ke-13 dengan keputusan BN memperoleh 5 237 699 undi, PAS (1 633 389 undi), DAP (1 736 267 undi), dan selebihnya parti-parti lain. Tidakkah jumlah pengundi yang tinggi mengundi PAS pada PRU ke-13, akan menggugat sokongan terhadap PH pada PRU ke-14?

Pada PRU 2008, apabila DAP bekerjasama dengan PAS, DAP memenangi 28 kerusi dan PKR 31 kerusi. Melalui kerjasama berterusan dengan PAS pada PRU 2013, DAP menang 38 kerusi dan PKR (30). Hal ini jauh berbeza daripada PRU sebelum terbentuknya kerjasama antara PAS dengan DAP. Dalam PRU 1969 semasa pembangkang menang besar, DAP hanya memenangi 13 kerusi, 1974 (9), 1978 (16), 1982 (9), 1986 (24), 1990 (20) dan 1995 (9). Apa-apa pun, umpama "berpatah arang, berkerat rotan", PAS dan DAP bukan sahaja tidak bekerjasama dalam PRU ke-14, tetapi dipercayai akan bertembung dalam beberapa kerusi panas, khususnya di Selangor.

Bagi BN, kemelut PAS, DAP dan PH terus memberikan keuntungan politik kepada mereka untuk terus memerintah. Kemelut pembangkang yang berpanjangan dan kucar-kacir pasti akan membuka mata pengundi untuk memilih parti yang layak memerintah negara. Untuk BN, ada pihak yang meramalkan bahawa parti itu mampu menawan 128 kerusi parlimen dan tidak kurang juga banyak pihak yang yakin bahawa BN akan memperoleh kembali majoriti dua pertiga dengan mudah pada PRU ke-14. ●

Penulis merupakan pemenang HKM MPI-Petronas 2014.